

**Muhyiddin Terima Kunjungan Pensyarah Fakulti Akademi Sukan Amerika Syarikat Bernama
6 Ogos, 2012**

PUTRAJAYA, 6 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menerima kunjungan hormat para pensyarah Pendidikan Jasmani dan Sains Sukan Fakulti Akademi Sukan Amerika Syarikat di pejabatnya di sini Isnin.

Kumpulan 20 pensyarah yang terdiri daripada pakar pendidikan jasmani dan sains sukan itu akan berada di negara ini untuk mengajar program Diploma Antarabangsa Pendidikan Jasmani.

Program itu adalah antara program yang ditawarkan Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran kepada guru-guru yang berkecukupan untuk mendapatkan diploma dalam bidang berkenaan.

Matlamat dan objektif program itu antara lain ialah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kefahaman tentang aspek Pendidikan Jasmani dan Sains Sukan.

Ia juga bertujuan meningkatkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran dalam bidang tersebut untuk guru-guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani yang mengajar subjek itu; dan sebagai menyokong dasar Kementerian Pelajaran iaitu 1 Murid 1 Sukan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685820>